

03 APRIL 2018

Makmal bawah tanah

12 setempat

03-04-2018

>>Ah Tee ditahan bersama 14 paket Methamphetamine dan 8 paket heroin bernilai RM8,000 di hotel

HARIAN METRO

Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Makmal bawah tanah

Empat lelaki ditahan bersama 17kg dadah bernilai RM1.26 juta

Bina makmal rahsia di bawah tanah khusus untuk memproses dadah syabu di rumah yang disewa.

Itu taktik sindiket pengedaran dadah dikenali sebagai Geng Ah Tee yang aktif menjalankan kegiatan itu sejak empat bulan lalu di sebuah rumah teres di Taman Bukit Idaman, Batu Caves, Gombak, Selangor.

Kegiatan itu terbongkar selepas polis menahan ketua kumpulan berkenaan dikenali sebagai Ah Tee berusia 40 tahun di sebuah hotel di Jalan Pudu, di sini, jam 5.30 petang, Khamis lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, penahanan lelaki terbabit turut membawa kepada penemuan 14 paket dadah Methamphetamine dan lapan paket dadah heroin bernilai RM8,000 di dalam bilik hotel berkenaan.

"Hasil tangkapan itu, sepasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur



MAZLAN (tiga dari kanan) menunjukkan dadah jenis methamphetamine yang dirampas

membuat serbuan di sebuah rumah teres di Taman Bukit Idaman, Batu Caves, selepas dipandu arah suspek jam 9.30 malam, hari yang sama.

"Dalam serbuan itu, kami

menahan empat lelaki berusia antara 30 hingga 52 tahun bersama lebih 17 kilogram serbuk dadah Methamphetamine selain satu paket dadah kanabis dianggarkan bernilai RM1.26 juta. Tu-

rut ditemui makmal mini bawah tanah digunakan untuk memproses dadah itu," katanya pada sidang media di IPK Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Mazlan berkata, siasatan

mendapati sindiket itu membina ruang khas di bawah tanah yang mampu memuatkan 20 individu pada satu masa.

"Ketika serbuan dijalankan, mereka baru saja selesai menghantar bekalan dadah berkenaan kepada beberapa 'orang tengah' di sekitar Lembah Klang.

"Dadah Methamphetamine yang diproses sindiket berkenaan dijual pada harga RM70,000 bagi setiap seki-

logram dan difahamkan, dadah itu dibekalkan ke pusat hiburan elit sekitar ibu kota," katanya.

Bellau berkata, semua suspek direman tujuh hari bermula 30 Mac hingga 5 April ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kami masih memburu beberapa ahli kumpulan ini yang masih bebas. Operasi berterusan akan dilaksanakan dalam usaha membasmi masalah dadah di ibu kota.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kegiatan dadah di sekitar ibu kota boleh menghubungi balai polis berhampiran untuk tindakan lanjut," katanya.



LALUAN khas tempat simpanan dadah